



PERUTUSAN TAHUN BAHARU 2017

YBHG. DATO' AMIR BIN MD. NOOR
KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN KOLEJ KOMUNITI,
YANG MENJALANKAN TUGAS
KETUA PENGARAH
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

DEWAN SERBAGUNA
POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
Khamis, 19 JANUARI 2017
JAM 10.30 PAGI

“TVET: LALUAN UTAMA PENDIDIKAN TINGGI”

(Pendahuluan)

1. Syukur dan terima kasih di atas kesempatan kita semua yang dapat berkumpul dan bertemu dengan rakan-rakan seperjuangan dalam pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional di Kementerian Pendidikan Tinggi.
2. Majlis yang dilangsungkan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada hari ini, merupakan perhimpunan buat kali pertamanya menghimpunkan kedua-dua warga Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara di bawah suatu bumbung.
3. Masih tidak terlambat untuk saya ucapkan Selamat Tahun Baru 2017 kepada semua warga politeknik dan kolej komuniti. Moga-moga tahun baru ini membawa lebih kejayaan kepada organisasi kita.
4. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada barisan kepimpinan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) yang terus-menerus memberi kepercayaan kepada politeknik dan kolej komuniti yang diterajui oleh Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Idris bin Jusoh; Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Dr Mary Yap Kain Ching dan Yang Berbahagia Tan Sri Dr Noorul Ainur Md. Noor, Ketua Setiausaha Kementerian.
5. Saya juga ingin memaklumkan bahawa Datin Paduka Ir. Dr. Siti Hamisah binti Tapsir telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi yang baru mulai 16 Januari tahun ini. Saya mohon semua warga ambil maklum mengenai perkembangan yang berlaku di peringkat pengurusan tertinggi dari semasa ke semasa.
6. Terima kasih kepada mantan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Ir. Dr Zaini bin Ujang yang menerajui Kementerian sejak Mei 2013 sehingga Ogos 2016 yang lalu.
7. Terima kasih juga yang tidak terhingga kepada mantan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik, Datuk Haji Mohlis bin Jaafar yang bersara wajib mulai 3 Oktober 2016, kepada Tn. Haji Mohd Ghaus bin Ab. Kadir, Tn. Haji Kamarulzaman bin Ismail, En. Sulong bin Yahaya, Pn. Asmara binti Sulong, En. Zulkarnain bin Jobshi, Tn. Haji Zulkifli bin Md Salleh, Tn. Haji Rosli bin Mohd Ariff, Hjh. Roslina binti Lapanditah, Tn Haji Mohd Zufri bin Yazid, En. Jamaluddin bin Mohd Ali dan En. William Abeng, pegawai-pegawai kanan kita telah bersara pada tahun 2016 dan telah banyak memberi sumbangan besar kepada perkembangan politeknik dan kolej komuniti sepanjang perkhidmatan mereka.

8. Kita telah meninggalkan tahun 2016 dengan pelbagai kejayaan, sama ada di peringkat institusi atau di peringkat individu. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025 (PPPM(PT)) dan Rancangan Malaysia Kesebelas menjadi rancangan utama negara sebagai panduan kita sehingga ke tahun 2020, iaitu tarikh keramat Wawasan 2020.

9. Seperti yang ramai antara kita yang masih ingat bahawa pada suatu masa dahulu, politeknik dan kolej komuniti pernah diselia di bawah satu Jabatan, sebelum ianya dipisahkan di atas sebab-sebab strategik pada ketika itu.

10. Insyaa Allah, di atas semangat keserakanan, politeknik dan kolej komuniti akan kembali disatukan untuk menyepadukan pelbagai aspek pembelajaran agar lebih berdaya maju dan menyokong agenda Kementerian kita untuk menjadikan TVET sebagai Laluan Utama Pendidikan Negara.

(Penggabungan Jabatan untuk Politeknik dan Kolej Komuniti)

11. Usaha ini telah bermula sejak pertengahan tahun 2016 lagi. Kementerian Pendidikan Tinggi sebagai penyedia utama pekerja TVET negara (64%), telah meletakkan TVET sebagai agenda penting dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) melalui Lonjakan 4.

12. Pada tahun 2016, Kementerian Pendidikan Tinggi menyumbang sebanyak 53 peratus (162,584 enrolmen) pelajar TVET negara melalui institusi MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti.

13. Kementerian yakin bahawa langkah penubuhan kembali sebuah Jabatan untuk Politeknik dan Kolej Komuniti akan:

- Pertama, mengukuhkan pelaksanaan TVET di KPT dengan memastikan kesinambungan, kualiti dan dinamisme dasar melalui keputusan yang dibuat secara kolektif bagi penentuan hala tuju TVET negara. Antara hasil yang boleh perolehi ialah penawaran program berkualiti, berartikulasi dan berkesinambungan (*quality, seamless and articulated programme offerings*);
- Kedua, memfokuskan kepada *commonality and collegiality* yang terdapat di kedua-dua institusi bagi memperkukuhkan sinergi agar menggalakkan mobiliti bakat dan kolaborasi untuk memastikan tenaga kerja yang lebih aktif, cekap dan berkesan dalam sektor TVET;

- Ketiga, menjadikan KPT sebagai *key player* dalam membekal tenaga kerja negara bagi menghadapi persaingan pembangunan bakat negara peringkat global; dan
- Keempat, mengoptimumkan penggunaan sumber dan kepakaran melalui konsep *lean organization* bagi menghasilkan penjimatan perbelanjaan serta mencapai keberkesanan penyampaian yang lebih tinggi.

14. Saya yakin, Jabatan baharu ini akan memberi nilai tambah kepada semua pemegang taruh dan membolehkan ianya berperanan sebagai *game changer* untuk mentransformasikan TVET di Malaysia.

15. Justeru mulai sekarang, saya menyeru semua warga, sama ada di politeknik mahupun di kolej komuniti, supaya melihat kedua-dua institusi ini sebagai satu entiti tunggal, bergerak seiring dan senada bagi memperkasakan penyampaian TVET negara, demi untuk kebaikan seluruh rakyat negara ini.

16. Saya menyeru semua warga bersedia untuk menghadapi perubahan ini. Usaha penggabungan akan dilaksanakan secara berfasa bermula di Jabatan dan seterusnya di institusi. Ianya akan diteruskan dengan menjadi institusi kita sebagai badan berkanun. Dengan badan berkanun, ianya akan membuka pintu kepada pelbagai peluang untuk merapatkan jurang dengan pihak industri terutamanya membuat lebih ramai pengambilan tenaga pengajar dari industri selaras dengan ucapan Amanat Tahun Baru Menteri yang lalu. Justeru, saya menyeru semua warga melakukan perubahan minda dalam mendepani segala cabaran yang mendatang.

17. Untuk pengetahuan semua, saya telah diamanah menjalankan tugas Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik bermula 4 Oktober 2016 yang lalu. Oleh yang demikian, saya akan meneruskan perutusan ini dengan menyentuh, secara inklusif, kedua-dua politeknik dan kolej komuniti.

(Sorotan Pelbagai Pencapaian Politeknik dan Kolej Komuniti Dalam 2016)

18. Suka saya berkongsi di sini, pelbagai kejayaan politeknik dan kolej komuniti dalam acara, pertandingan dan pengiktirafan sama ada dalam bidang inovasi mahupun dalam kecemerlangan institusi dan individu. Ini sebagai pengiktirafan dan penghormatan, khususnya kepada kejayaan-kejayaan pelajar, pensyarah dan

pegawai yang bertungkus lumus mengharumkan nama politeknik dan kolej komuniti dalam pelbagai pentas dan seterusnya meningkatkan reputasi pendidikan tinggi negara.

19. Pertama, Tahniah kepada pasukan Politeknik Malaysia dalam kejohanan FIRA Robo World Cup ke 21 tahun 2016 di Beijing baru-baru ini. Mereka memenangi 18 pingat secara keseluruhannya iaitu 6 pingat emas, 8 perak dan 4 gangsa. Pencapaian ini melepasi pencapaian tahun 2015 di Korea Selatan yang lalu.

20. Kita juga memberi sanjungan kepada Sdr. Muhammad Safiuddin Rosli, pelajar Kolej Komuniti Selayang yang mewakili Malaysia dalam pertandingan *9th International Apylimpics* di Bourdeaux, Perancis bagi kategori masakan. Beliau merupakan peserta pertama negara yang bertanding dalam acara ini, sepanjang acara ini berlangsung sejak 35 tahun. Apa yang membanggakan lagi ialah beliau merupakan pelajar pendidikan khas kategori pekak dan bisu yang mengikuti program Sijil Kulineri.

21. Seterusnya, kedua-dua politeknik dan kolej komuniti telah berjaya menempahkan nama dalam salah satu daripada 25 kategori pertandingan *World Skills Competition* yang akan dilangsungkan di Abu Dhabi, United Arab Emirates tahun ini. Ini berikutan, kejayaan Saudara Aiman Syamil Azmi, pelajar Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis dan Saudari Ma'rufah Jailani, pelajar Politeknik Ibrahim Sultan Johor (kedua-duanya pingat emas) dan Saudari Chin Pheynie dari Langkawi Tourism Academy@ Kolej Komuniti Langkawi (pingat gangsa) dalam ASEAN World Skills Competition 2016. Oleh kerana, pertandingan pengurusan restoran melibatkan penggunaan minuman beralkohol, saya telah merayu kepada Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian supaya Saudari Chin Pheynie dibenarkan menggantikan Saudara Aiman Syamil dalam kategori tersebut dan turut serta Saudari Ma'rufah yang bertanding kategori teknologi fesyen untuk pertandingan *World Skills Competition* tahun ini. Sama-samalah kita berdoa agar mereka menampilkan persembahan terbaik dalam acara tersebut kelak.

22. Berikutnya, En. Mohd Yusof bin Yaakob dan En. Shahrizal bin Ahmad Selo, kedua-duanya pensyarah dari Politeknik Sultan Idris Shah yang telah mewakili negara dalam International Culinary Art Exhibition (IKA Olympics) 2016 di Germany. Secara berpasukan, mereka memenangi gangsa dalam kategori *Live Fruit and Vegetable Carving*. Dalam acara individu, En. Shahrizal mendapat pingat perak dan

En. Mohd Yusof memperoleh gangsa dalam kategori *Display Fruit and Vegetable Carving*.

23. Politeknik dan Kolej Komuniti juga tidak ketinggalan dalam usaha penyelidikan dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Sebagai contoh, dalam Majlis Anugerah Harta Intelek Negara pada Ogos 2016, Politeknik Sultan Azlan Shah dan Kolej Komuniti Jelebu masing-masing meraih pingat emas dan gangsa bagi kategori Perekacipta Harta Intelek. Selain itu, dalam *27th International Invention and Innovation Exhibition 2016* (ITEX 16), Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah memenangi 2 emas dan 1 perak, manakala Politeknik Kuching membawa pulang 2 gangsa. Selanjutnya, Politeknik Kota Kinabalu memenangi 2 emas dan 2 Anugerah Khas dalam *World Inventor's Innovation Contest 2016* (WiiC) yang berlangsung di Seoul, Korea Selatan.

24. Suka juga saya ingin memaklumkan kepada tuan-tuan dan puan-puan bahawa pada tahun 2016 sahaja, politeknik dan kolej komuniti telah menjayakan projek di bawah *Public Private Research Network* (PPRN) yang bernilai RM2.6 juta bagi 76 projek (Politeknik - RM2.47 juta bagi 70 projek dan Kolej Komuniti - RM155 ribu bagi 6 projek). Ini merupakan pencapaian PPRN yang mengatasi tahun 2015 (bernilai RM0.87 juta). Secara umumnya, kita telah berjaya meningkatkan keupayaan penyelidikan dan inovasi terutamanya dalam bidang penyelidikan gunaan. Syabas, saya ucapkan kepada semua yang terlibat.

25. Dalam aspek pencapaian institusi pula, saya ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan kepada kejayaan Langkawi Tourism Academy@ Kolej Komuniti Langkawi yang menerima anugerah *PATA Tourism Grand Award* bersama *Taylor's University* pada tahun 2015. Bermula dengan MOU yang ditandatangani pada tahun 2011, LTA@ KKLangkawi Fasa 1 memberi fokus kepada program kulineri, makanan dan penginapan dan kadar kebolehpasaran pelajar mencapai hampir 100 peratus. Kini, pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah meluluskan pelaksanaan Fasa 2 dengan memperluaskan penawaran bidang pengajian dan aktiviti kerjasama dengan beberapa pihak lagi seperti *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* dan syarikat perhotelan terkemuka yang beroperasi di Langkawi seperti The Datai dan St. Regis. Tenaga pengajar politeknik juga digalakan untuk turut serta menjalani program Sangkutan Industri Pensyarah di hotel lima bintang di Langkawi.

26. Selain itu, beberapa politeknik juga telah menerima pengiktirafan daripada beberapa badan antarabangsa. Sebagai contoh, Politeknik Ungku Omar menerima

Anugerah Pusat Latihan Maritim Terbaik Malaysia 2016 sempena *World Maritime Day 2016* pada Oktober lalu. Dan juga, tiga politeknik mendapat pengiktirafan sebagai pusat latihan bertauliah *The Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)*. Politeknik tersebut ialah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah dan Politeknik Nilai yang diberi pengiktirafan pada November 2016, manakala Politeknik Seberang Perai telah mendapat pengiktirafan pada tahun 2015. Dengan itu, ketiga-tiga politeknik tersebut menjadi sebahagian daripada rangkaian pusat latihan global CILT. Untuk makluman, CILT merupakan badan profesional yang mewakili sektor logistik dan pengangkutan antarabangsa dan mempunyai keanggotaan di 30 negara di serata dunia.

27. Pada hari ini, saya mengambil kesempatan untuk mengumumkan satu lagi pencapaian yang gemilang institusi TVET kita di peringkat antarabangsa. Kita semua tahu, sehingga tahun 2016 tujuh politeknik telah mendapat tahap emas dalam akreditasi institusi yang dinilai oleh *Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC)*. Untuk makluman, APACC merupakan badan antarabangsa yang menilai kualiti penyampaian TVET berasaskan standard setara rantau Asia Pasifik dan dengan itu, memudahkan mobiliti pekerja dalam rantau ini. Sukacita, kita telah mendapat berita baru-baru ini, bahawa Politeknik Port Dickson menjadi institusi ke-lapan yang berjaya mendapat tahap emas dalam akreditasi APACC, Syabas Politeknik Port Dickson!

28. KPT amat berbangga di atas pencapaian ini. Kita akan meneruskan usaha mengejar kecemerlangan ini, dan pada tahun ini Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Kolej Komuniti Selayang akan diberi tanggungjawab untuk menyahut cabaran ini.

29. Seterusnya, saya ingin memberi pengiktirafan khas kepada individu yang telah mempamerkan keupayaan luar biasa dalam aktiviti di luar tugas rasmi mereka. Sebagai contoh, Encik Sofian bin Mohd, 56 tahun, selaku Ketua Jabatan Pengajian Am di Politeknik Kuching Sarawak telah berjaya melakukan kayuhan kembara berbasikal secara solo mengelilingi dunia dalam masa 485 hari, yang bermula pada 29 Julai 2015. Beliau telah menjelajah 24 buah negara dan pulang bertugas pada 27 November 2016. Tahniah di atas pencapaian tuan! Saya menyarankan agar Encik Sofian menjelajah di semenanjung pula untuk berkongsi pengalaman dengan warga politeknik dan kolej komuniti di sana pada tahun ini.

30. Akhir sekali, suka saya maklumkan kejayaan graduan Kolej Komuniti dalam bidang keusahawanan. Sehingga ini, graduan yang dapat menjana pekerjaan

sendiri kepada 8.2 peratus dalam tahun 2015 berbanding 3.8 peratus pada tahun 2011. Kolej Komuniti juga telah menyertai *Malaysian Entrepreneurship Awards* (MEA 2016) dimana 2 buah Kolej Komuniti terpilih ke peringkat akhir iaitu KK Klang dan KK Tampin dalam kategori *Best Student Enterprise* dan 3 buah Kolej Komuniti terpilih ke peringkat akhir untuk kategori *Best Entrepreneurship Mentor* iaitu KK Kuching, KK Paya Besar dan KK Sandakan. Pada tahun 2017, untuk kategori institusi, 3 buah Kolej Komuniti telah melayakkan diri ke peringkat akhir iaitu KK Kuala Langat, KK Selayang dan KK Arau sementara untuk kategori *best entrepreneurship project*, 2 buah Kolej Komuniti telah layak ke peringkat akhir iaitu KK Bukit Mertajam dan KK Kota Marudu. Sama-samalah kita mendoakan kejayaan mereka dalam MEA tahun ini yang akan berlangsung 26 Januari 2017. Insya Allah.

(Kecemerlangan TVET Melalui Bakat Tenaga Pengajar)

31. Warga Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi merupakan tunjang kekuatan pendidikan dan latihan di politeknik dan kolej komuniti. Mereka merupakan penggerak kecemerlangan bagi menyokong hasrat KPT menjadikan TVET sebagai laluan perdana pendidikan tinggi bagi lepasan sekolah dan komuniti setempat.

32. Sejak 2008, sejumlah 9,290 tenaga pengajar telah berjaya naik pangkat menggunakan kriteria kecemerlangan di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi. Sepanjang tahun 2016, sejumlah 1,816 orang daripada 10,147 tenaga pengajar telah berjaya dalam 3 kali urusan kenaikan pangkat yang melibatkan pegawai gred 29 hingga gred 52. Dalam tahun 2017, pihak Jabatan merancang mengadakan satu kali urusan kenaikan pangkat perdana yang meliputi semua gred jawatan Pegawai Pengajian Tinggi. Ini bagi memastikan supaya semua pegawai sentiasa terdorong untuk mengejar kecemerlangan bagi memastikan politeknik dan kolej komuniti kekal berprestasi tinggi terutamanya bagi menghasilkan kadar kebolehpasaran graduan tinggi.

33. Suka saya ingatkan bahawa kenaikan pangkat yang diterima selama ini bukanlah satu hak untuk semua PPPT. Atas keperluan perkhidmatan, semua yang terlibat perlu akur untuk ditugaskan di mana-mana sahaja demi kepentingan dan keperluan perkhidmatan. Oleh yang demikian, saya berharap semua warga bersikap profesional dalam hal ini.

(Bajet 2017)

34. Sebelum kita pergi lebih jauh lagi, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang berkaitan bajet yang diluluskan oleh Kerajaan pada tahun ini. Dalam Bajet 2017, Politeknik menerima peruntukan sejumlah RM858.711 juta, manakala Kolej Komuniti menerima sejumlah RM363.028 juta. Walaupun wujud peningkatan peruntukan, kita perlu meningkatkan kecekapan dan pengoptimuman sumber selaras dengan penambahan bilangan pelajar dan institusi. Sayugia diingatkan kepada semua Pengarah untuk mematuhi prosedur kewangan dan Arahan Perbendaharaan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TVET WAY FORWARD 2017

TVET:LaluanUtamaPendidikanTinggi

A. (Dasar TVET KPT)

35. Semua sedia maklum bahawa aspirasi Kementerian adalah untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik bagi membolehkan Malaysia bersaing dalam ekonomi dunia dengan menjadikan TVET Laluan utama Pendidikan Tinggi.

36. PPPM (PT) dirangka berasaskan pencapaian dan ianya memerlukan perubahan besar dari segi sistem yang turut melibatkan peranan Kementerian dan dasar untuk mencapai matlamat yang disasarkan.

37. Secara khususnya, Kementerian berhasrat membangunkan sistem yang tidak hanya menumpu kepada laluan akademik biasa, tetapi turut memberi penekanan kepada laluan TVET. Justeru, pada tahun ini, satu dasar mengenai TVET bagi pendidikan tinggi akan dibangunkan untuk menggerakkan semua pihak ke arah melahirkan graduan TVET berkualiti.

38. Secara umumnya, Dasar TVET Pendidikan Tinggi (*MOHE TVET Policy*) akan menyokong pihak Kementerian:

- a. Pertama, mempergiatkan kerjasama dengan penglibatan industri menerusi model kerjasama baharu dan meningkatkan kualiti penyampaian menerusi program latihan secara amali untuk pelajar, peningkatan pengalaman industri tenaga pengajar dan pembangunan atau inovasi produk dan proses industri;

- b. Kedua, meningkatkan penjenamaan bagi meningkatkan minat masyarakat untuk menyertai TVET sebagai laluan meningkatkan kerjaya mereka;
- c. Ketiga, memperluaskan akses pembelajaran TVET melalui pendidikan fleksibel yang melibatkan pendekatan pembelajaran sesuai dengan perkembangan teknologi digital;
- d. Keempat, menambah baik tadbir urus dan penyelarasan dengan pelbagai agensi penyedia TVET menerusi penyepaduan penawaran program TVET mengikut tahap kelayakan, memastikan penjajaran dengan persatuan mewakili industri utama dan mendapatkan akreditasi antarabangsa untuk program TVET; dan
- e. Kelima, meningkatkan kualiti dan reputasi TVET negara melalui program pengantarabangsaan dan pengiktirafan program peringkat antarabangsa.

39. Seperti termaktub dalam Lonjakan Empat, PPPM(PT), empat prinsip yang menjadi panduan adalah berkaitan dengan program, industri, bajet dan pendanaan. Sehubungan itu, kita di politeknik dan kolej komuniti perlu memainkan peranan aktif dalam penggubalan Dasar TVET KPT kerana ia memberi kesan positif kepada keseluruhan sistem TVET peringkat tinggi.

40. Warga di institusi dan pemain di industri akan dilibat sama bagi memastikan pandangan semua pihak diambil kira. Penghasilan dasar ini akan menjadi panduan bagi meningkat kualiti TVET pada tahap lebih tinggi.

41. Pada masa yang sama, Dasar TVET KPT juga menyokong kewujudan badan profesional seperti *Malaysia Board of Technologist* (MBOT) yang menjuarai profesion juruteknik dan teknologis yang kita hasilkan. Malahan melalui MBOT, kita akan berusaha supaya Malaysia menjadi *signatory* kepada *Dublin Accord* yang akan menyetarakan kelayakan diploma kejuruteraan kita dengan lapan negara lain, antaranya Australia, Kanada, Korea, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Dengan rangkaian yang luas dan pengiktirafan antarabangsa, lulusan kita mampu menembusi pasaran pekerjaan global.

42. Pada hari ini, pihak MBOT telah menyediakan *booth* bagi tuan-tuan dan puan-puan mendaftar sebagai ahli MBOT. Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian dipersilakan berkunjung ke *booth* yang disediakan untuk mendaftar pada hari ini.

B. Redesigning TVET

43. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam Amanat Tahun 2017 telah mengupas mengenai agenda *Redesigning Higher Education*. Ini bertepatan dengan konsep pendidikan fleksibel yang telah diperkenalkan sebelum ini. Mulai tahun ini, politeknik dan kolej komuniti akan merangka agenda *Redesigning TVET* yang merentasi pelaksanaan program pra-pekerjaan, program pendidikan dan latihan berterusan dan program hibrid, yang menggabungkan modul/kursus yang ditawarkan di institusi MTUN, politeknik dan kolej komuniti. Ini termasuk penawaran program pengajian berlandaskan perkembangan terbaru teknologi masa kini dalam Revolusi Industri 4.0 (**Fourth Industrial Revolution**).

44. Agenda *Redesigning TVET* bukan saja mengambil kira pendekatan pendidikan fleksibel, malahan ia memenuhi saranan Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi untuk semua warga pendidik melihat kembali kaedah penyampaian yang sesuai dengan kehendak abad ke 21. Beliau menegur teknik pengajaran secara tradisional yang mengutamakan syarahan tanpa menghiraukan cara pelajar masa kini memperolehi ilmu dan kemahiran.

45. Memetik Profesor Eric Mazur, seorang ahli akademik Universiti Harvard dalam artikel berjudul “Twilight of the Lecture” menyatakan:

“Think of education as a whole – what is it ?

Is it just the transfer of information ?

If that’s the case, then Harvard has a problem,

And all other universities have a problem, too.

Information comes from everywhere now; the institution is no longer the gatekeeper of information.....”

46. Justeru *Redesigning TVET* melibatkan perubahan kandungan program, kurikulum dan transformasi penyampaian dan pentaksiran secara menyeluruh. Pembelajaran pula akan berlaku dalam suasana lebih aktif, interaktif (*student-centred*), immersif (*digital technology-based*), berasaskan masalah dan produk (*problem and product-based*), bersifat mencabar (*challenged-based*) dan melalui permainan (*gamification*).

47. Sehubungan itu, buat permulaan *redesigning TVET* merangkumi inisiatif *stackable module, mobile TVET, iCGPA, internship and externship, gap year, work-based learning* dan pelaksanaan pendidikan fleksibel. Secara umumnya pendidikan fleksibel memberi akses individu kepada pembelajaran yang responsif kepada kadar

kemampuan dan keperluan pelajar (*pace*), tempat (*place*) dan mod penyampaian yang dipilih pelajar. *Anytime, any where, any learning methods*.

48. Pelaksanaan pendidikan fleksibel perlu disokong sistem kredit terkumpul dan mekanisma perpindahan kredit dan ianya melibatkan penggunaan teknologi (*technology-enabled*) bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran untuk memenuhi spektrum masyarakat yang lebih luas dan memberi lebih banyak pilihan untuk belajar. Alhamdulillah, politeknik telah mempunyai ruang *Technology-enabled Collaborative Classroom* (TeCC) dan kolej komuniti akan memperkenalkan *stackable module* berasaskan Pembelajaran Sepanjang Hayat berkredit. Ini akan memperkayakan pengalaman pembelajaran yang unik dan berimpak dalam kalangan pelajar, ke arah program TVET yang bercirikan *high tech & high value*.

49. Untuk makluman semua, pelaksanaan MyREN dalam RMke11 akan menyokong pelaksanaan pendidikan fleksibel yang berasaskan penggunaan teknologi. MyREN akan mempunyai kapasiti jalur lebar lebih luas sehingga 100 MBps ke arah menghasilkan pelajar kita sebagai *co-creators of knowledge* melalui pembelajaran imersif dan interaktif. Oleh itu, semua warga perlu mengaplikasi dan mengadaptasikan kaedah pembelajaran baharu ini.

C. (Penukaran status beberapa IPG menjadi institusi TVET)

50. Dalam ucapan Bajet 2017, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan cadangan pengubahsuaian, sembilan buah kampus Institut Pendidikan Guru (IPG) menjadi politeknik, kolej vokasional dan pusat latihan tenaga pengajar TVET untuk meningkatkan kapasiti TVET selaras dengan keperluan pekerjaan di industri.

51. Usaha ini melibatkan perubahan 4 buah IPG menjadi kampus politeknik dengan peruntukkan RM100 juta. Ia juga mengoptimalkan aset-asetnya selaras dengan kaedah NBOS.

52. Seperti kenyataan YB Menteri Pendidikan semasa penggulungan perbahasan Bajet 2017 di Dewan Negara tempoh hari, penukaran status IPG kepada institusi TVET tidak boleh berlaku dalam masa sebulan atau sehingga satu tahun. Ini kerana Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil kira kedudukan pelajar dan pensyarah yang sedang menyelesaikan pelaksanaan pengajian mereka ketika ini. Justeru, semua warga dimohon ambil maklum mengenai peralihan penukaran status IPG ini, akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

53. Pada masa ini, perbincangan masih dilaksanakan dengan pihak KPM untuk menentukan kedudukan kampus IPG yang terlibat dengan urusan penukaran status ini.

54. Bagi kampus-kampus ini, politeknik berhasrat menggunakan konsep Politeknik 2.0. Ia mempunyai ciri-ciri berikut:

- Kolaborasi politeknik dan industri yang intensif dalam pengajaran dan pembelajaran seperti *teaching factory*, *reskilling* pekerja industri, *upskilling* anggota komuniti dan perkongsian fasiliti dan kepakaran;
- Kolaborasi dengan IPT bagi pelaksanaan pembelajaran fleksibel;
- Pemberatan lebih tinggi kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam talian seperti *MOOC's* dan *blended learning*;
- Penawaran program *end-to-end* tahap sijil sehingga diploma lanjutan yang terdiri daripada gabungan pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (hybrid);

55. Apabila keempat-empat IPG telah diserahkan sepenuhnya kepada kita, pengoperasiannya akan melibatkan *redeployment* perjawatan sedia ada. Ini bermakna beberapa tenaga pengajar dan kakitangan sokongan dari kedua-dua institusi akan digerakkan bagi memulakan operasi di kampus yang baharu.

D. (Pusat Latihan Tenaga Pengajar TVET)

56. Pusat Latihan Tenaga Pengajar TVET pula mengembangkan lagi inisiatif kerjasama institusi-industri dengan gandingan kerjasama institusi MTUN, politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional.

57. Tiga fungsi utama Pusat Latihan Tenaga Pengajar TVET adalah membina upaya tenaga pengajar TVET melalui program latihan, program pendidikan lanjutan dan program pembangunan kerjaya.

58. Dalam aspek latihan, Pusat Latihan Tenaga Pengajar TVET memperkasakan tenaga pengajar dengan kemahiran pengajaran yang merangkumi elemen pedagogi, andragogi dan heutagogi. Secara umumnya, usaha ini akan memastikan semua tenaga pengajar mempunyai kemampuan penyampaian pengajaran yang berupaya mendepani pelajar pelbagai generasi dan kaedah pembelajaran berasaskan teknologi terkini.

59. Dalam aspek pendidikan lanjutan pula, pusat ini akan berkolaborasi dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara untuk pemerolehan kelayakan lebih tinggi

dan kemahiran lanjutan tenaga pengajar terutamanya dengan menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan teknologi melibatkan pembelajaran maya dan jarak jauh serta pendidikan fleksibel yang menggunakan *APEL*, *MOOC* dan *JukeBox*.

60. Akhir sekali, pusat ini akan mengadakan program bagi menyokong kemajuan kerjaya tenaga pengajar melalui penerapan kemahiran profesional dan pembangunan kepimpinan. Kita juga berharap institusi TVET lain turut sama berganding bahu bagi menjamin kualiti tenaga pengajar TVET agar setanding dengan ahli akademik di universiti.

61. Dalam hal ini, saya ingin maklumkan harapan Yang Berhormat Menteri agar institusi kita mempunyai tenaga pengajar daripada kalangan *practioners* pada kadar 50 peratus menjelang tahun 2025.

E. MyBNHome

62. Satu lagi kejayaan Politeknik dan Kolej Komuniti pada tahun 2016 adalah untuk merealisasikan program Rumah Komuniti dan PolyHome khusus untuk golongan miskin dan asnaf di Daerah Besut. Ini merupakan idea Yang Berhormat Menteri sendiri. Rumah komuniti pertama di Kampung Padang Landak, Jerteh, Terengganu siap pada 8 Februari 2016 bersempena dengan Tahun Baru Cina 2016. Kini kita telah menghampiri penyiapan rumah yang ke-100 dan penyerahan kunci akan berlangsung pada 29 Januari 2017, (yang juga jatuh pada tarikh Tahun Baru Cina 2017) dan majlis ini akan disempurnakan Yang Berhormat Menteri.

63. Justeru, inisiatif Rumah Komuniti ini telah diadaptasi kepada projek *My Beautiful New Home 2017* (MyBNHome) yang diumumkan dalam Bajet 2017. Bertitik tolak dari kenyataan tersebut, pihak Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan melalui *National Strategic Unit* telah mengiktiraf Kementerian Pendidikan Tinggi dan mengamanahkan kepada kita untuk melaksanakan projek rintis MyBNHome sebanyak 50 unit di kawasan Lekir, Daerah Manjung, Perak sebagai pelaksana utama. Terima kasih Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar bin Abdullah di atas sokongan dan kepercayaan beliau. Pada awal Februari 2017, tujuh buah rumah akan mula dibina melibatkan warga Politeknik Sultan Idris Shah dan Kolej Komuniti Sabak Bernam. Insya Allah kita akan menyiapkan rumah MyBNHome pada bulan April 2017 kelak.

64. Dengan kerjasama beberapa kontraktor terpilih, pembinaan rumah diteruskan dengan penambahbaikan menggunakan kaedah terkini seperti *HyperBIM*

Technology. Konsep NBOS diadaptasi dalam pelaksanaan projek ini melibatkan institusi MTUN, politeknik dan kolej komuniti. Oleh itu, saya menyeru agar pelajar dan tenaga pengajar di politeknik dan kolej komuniti mengambil peluang ini untuk memperolehi kemahiran, pengalaman dan kepakaran daripada aktiviti latihan praktikal, sangkutan industri, pensijilan industri, permindahan teknologi dan penyelidikan.

65. Bagi menjayakan projek ini, tiga pegawai telah dipertanggungjawabkan oleh pihak Kementerian untuk melaksana projek ini. Mereka ialah Dr Mohd Naim Yaacob, Dr Ishak Mohamad dan En Mohd Mubarak Shamsuddin.

66. Saya percaya dengan pendedahan ini, kepakaran dan tenaga profesional warga di institusi MTUN, Politeknik dan Kolej Komuniti mampu memberi impak yang besar kepada kehidupan masyarakat. Ini merupakan konsep lingkaran empat pihak (*quadruple helix*) seperti Lonjakan 7 PPPM(PT) yang menekankan rangkaian kerjasama *academia*, industri, kerajaan dan komuniti.

F. (National TVET Portal)

67. Perkembangan terkini teknologi digital dalam Revolusi Industri Keempat membolehkan kini, *Big Data Analytics* dilaksanakan.

68. Dalam masa yang sama, perkembangan teknologi digital telah membolehkan platform maya diguna bagi menghubungkan institusi TVET, industri dan masyarakat.

69. Ianya boleh dimanfaatkan bagi mendekatkan jurang antara bekalan dan permintaan serta memudahkan penyaluran maklumat penawaran pekerjaan dibuat secara tepat dan pantas.

70. Sehubungan itu, pihak Kementerian akan membangunkan Portal TVET Kebangsaan untuk kegunaan semua institusi TVET di bawah seliaan Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kerja Raya.

71. Portal TVET Kebangsaan merupakan wadah yang :

- menyediakan maklumat penawaran dan permintaan yang tepat, segera dan terkini untuk kegunaan penyediaan kuantiti dan kualiti tenaga kerja yang sepadan dengan keperluan industri;
- menyediakan maklumat mengenai peluang latihan praktikal dan maklumat pekerjaan yang ditawarkan oleh pihak industri;

- membolehkan mekanisma bagi pihak industri menyalurkan maklumat mengenai kurikulum dan kandungan latihan yang ditawarkan oleh institusi TVET;
- menyebarkan dan mempromosikan TVET;
- menyebarkan garis panduan dan polisi-polisi berkenaan TVET yang boleh dirujuk bersama

72. Sehubungan itu, pihak Kementerian menyasarkan Portal TVET Kebangsaan akan dapat disiapkan dalam tahun ini. Dengan portal ini, semua institusi TVET akan dapat meningkatkan kecekapan dalam penawaran program pengajian yang relevan dan diperlukan oleh pihak industri.

G. (TVET APEL Centre)

73. *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) atau Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu merupakan komponen pendidikan tinggi yang penting bagi menyokong aktiviti Lonjakan 3: Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat dan konsep pendidikan fleksibel yang sedang kita juarai. Antara contoh pembelajaran yang diperolehi hasil dari pengalaman terdahulu termasuklah melalui:

- pengalaman kerja samada secara sepenuh masa, separuh masa ataupun sambilan;
- kerja sukarela dan kemasyarakatan;
- hobi atau kegiatan waktu lapang;
- latihan dan bimbingan kepada komuniti;
- penyertaan dalam kursus jangka pendek, seminar, persidangan dan bengkel;
- penguasaan kefasihan dalam pelbagai Bahasa;
- pengajian persendirian dan penyelidikan; dan
- sebarang pengalaman hidup yang lain

yang boleh dinilai. Proses APEL melibatkan aktiviti identifikasi, dokumentasi dan penilaian pengalaman terdahulu sebelum suatu kredit diberi dan selanjutnya seseorang dianugerahkan sebarang kelayakan formal.

74. Justeru bagi mengurusperdanakan TVET, maka wajarlah *TVET APEL Centre (TAC)* ditubuhkan di politeknik dan kolej komuniti untuk memudah cara, lebih ramai

kalangan dalam masyarakat mendapat akses kepada pendidikan TVET formal dan seterusnya memajukan kerjaya dan meningkatkan taraf hidup masing-masing. Untuk permulaan, saya mengumumkan bahawa Politeknik Banting Selangor dan Langkawi Tourism Academy @ Kolej Komuniti Langkawi akan menjadi Pusat Penilaian APEL rintis bagi program TVET negara.

(Media Sosial)

75. Untuk menambat hati generasi z dan *millenials*, kita perlu mempergiatkan penggunaan media sosial bagi menarik minat mereka terhadap program yang ditawarkan. Ini untuk menyebarkan maklumat, perkembangan dan kejayaan TVET di politeknik dan kolej komuniti kepada khalayak ramai dan *stakeholders*. Sehubungan itu, semua pihak termasuk Pengarah institusi meningkatkan kemahiran dalam penggunaan media ini seperti *facebook*, *twitter* dan *instagram*. Dalam hal ini, saya mohon tuan-tuan dan puan-puan *like* dan *follow* platform media sosial pengurusan tinggi KPT. Pengarah-Pengarah institusi juga diharap mewujudkan laman media sosial masing-masing kerana ia akan dipantau oleh pihak Kementerian. Usaha ini akan meningkatkan ketampakan KPT dalam ruang siber serta meningkatkan profil KPT dalam kalangan generasi muda. Ini akan meningkatkan ketampakan KPT dalam ruang siber serta meningkatkan profil KPT dalam kalangan generasi muda.

(Penutup)

76. Seperti yang saya katakan pada permulaan ucapan ini, tahun 2017 merupakan detik permulaan politeknik dan kolej komuniti bergerak sebagai satu pasukan bagi fasa pengukuhan TVET dalam lanskap pendidikan tinggi negara. Saya yakin beberapa perubahan besar akan berlaku dalam sistem politeknik dan kolej komuniti, sama ada daripada aspek pembiayaan, tadbir urus dan program pengajian. Justeru semua pihak terutamanya barisan kepimpinan yang baharu perlu meningkatkan usaha dan tahap kesiagaan masing-masing bagi menghadapi perubahan yang berlaku.

77. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua; pelajar, pensyarah dan kakitangan dari Politeknik dan Kolej Komuniti seluruh negara kerana bangun menyahut cabaran, mengatasi kepentingan diri demi memenuhi keperluan masyarakat sama ada pelajar, ibu bapa mahupun industri.

78. Sebelum saya mengakhiri perutusan pada pagi yang dirahmati ini, kita tidak lupa kepada warga kita yang bakal menyambut Tahun Baru Cina. Kepada tuan-tuan dan puan-puan, saya ucapkan Gong Xi Fa Cai!

(新年快乐, *sseen nee-ahn kwhy luh* bermaksud *Happy New Year*).

79. Sekali lagi, terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat terutamanya daripada Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah kerana menjadi tuan rumah pada kali ini.

80. Terima kasih di atas kehadiran Dato'-Dato', hadirin-hadirat sekalian, dalam perhimpunan inipada pagi ini. Mungkin kali ini merupakan perhimpunan Perutusan Tahun Baharu yang terakhir bagi sebilangan daripada kita. Kita amat menyanjung segala sumbangan bakti yang telah dicurahkan kepada sistem Politeknik dan Kolej Komuniti.

81. Sama-samalah kita membulatkan tekad dan menyatukan azam untuk berusaha memartabatkan pendidikan dan latihan di Politeknik dan Kolej Komuniti, demi mengangkat kecemerlangan bakat negara ke tahap yang lebih tinggi lagi. Saya harapkan apa yang kita rancang pada tahun ini, akan dapat dilaksanakan dengan cemerlang. **Insyallah.**

Sekian, terima kasih.